


# Membentuk logo Hari Kebangsaan



**SAMBIL** bermain muzik membawakan lagu patriotik tanahair, 2,000 orang murid dari buah pancaragam ini bergerak dengan tersendai dan rapi membentuk logo perayaan Hari Kebangsaan ke-24 di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur semalam.

Pembentukan logo berwarna-warni itu mendapat tepukan gemuruh dari beribu-ribu orang yang menyaksikan perhimpunan dan perarakan raksaksa itu.

Di antara acara kemuncak ialah persembahan tarian oleh anggota-anggota Pandu Meri, perarakan kereta berbias dan lintasrmat udara dari TUDM. — Gambar Berita Harian.

**KUALA LUMPUR.** Rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama di seluruh negara menyambut Hari Kebangsaan ke 24 hari ini dengan penuh semangat dan berharmoni.

Dengan penuh perasaan yang mengabdikan berbagai perarakan yang mencerminkan wujudnya semangat berdisiplin dan berharmoni.

Dengan penuh perasaan dan semangat bersepadu, mereka keluar beramai-ramai untuk mengambil bahagian dan menyaksikan berbagai acara sambutan sempena memperingati ulat n g a t a h u n kemerdekaan negara yang tercinta.

Di semua bandar-bandar besar seluruh negara, dari Perlis hingga ke Sabah, kemuncak perayaan ialah upacara perhimpunan dan perarakan raksaksa yang penuh bersejarah dalam suasana warna warni.

Majlis-majlis jamuan teh, pertunjukan kebudayaan dan hiburan juga diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan tahun ini.

Di Ibunegara, kemuncak perayaan ialah perhimpunan dan perarakan raksaksa yang disertai lebih 20,000 orang rakyat dari berbagai perubuhan, jabatan dan murid-murid sekolah, di Padang Kelab Selangor.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, para Menteri Kabinet dan wakil-wakil ke-dua-taan asing menyaksikan upacara gilang gemilang itu.

Antara acara kemuncak yang dipersembahkan ialah permainan pancaragam oleh 2,000 orang murid sekolah, tarian-tarian kebudayaan oleh 800 anggota Pandu Puteri, perarakan kereta berbias dan lintasrmat hormat oleh peserta-

## Perayaan Hari Kebangsaan disambut meriah

peserta terdiri dari murid-murid sekolah, kakitangan jabatan Kerajaan dan swasta, anggota masyarakat berbilang kaum dan pasukan beruniform termasuk polis, tentera dan penjaja.

Di **JOHOR BAHRU**, satu rapat umum raksaksa oleh lebih 25,000 orang telah diadakan di Stadium Tan Sri Haji Hassan Yunus di sini mulai pukul 6.30 pagi.

Menteri Besar Johor Tan Sri Haji Othman Saat telah berucap kepada perhimpunan itu. Satu persembahan tablo selama kira-kira 45 minit merupakan acara kemuncak di rapat umum tersebut.

Lain-lain acara perayaan yang diadakan hari ini termasuklah sukan laut di jeti di hadapan Istana Besar.

Petang ini, satu majlis jamuan teh yang dihadiri oleh lebih 6,000 orang akan diadakan di perkampungan "Saujana" kediaman Menteri Besar. Rapat-rapat umum yang sama juga telah diadakan di Muar, Mering dan Pontian.

Di **IPOH**, beribu-ribu penduduk berbilang bangsa berkumpul di Padang Perbandaran di sini untuk menyaksikan perhimpunan raksaksa Hari Kebangsaan ke 24 yang dijalankan dengan penuh meriah dan warna warni hari ini.

Kira-kira 22,000 orang murid sekolah, kakitangan Kerajaan, pekerja swasta, anggota-anggota perubuhan, polis dan tentera telah mengambil bahagian dalam perarisan disertai dengan pertunjukan kereta berbias berjumlah

158 buah kenderaan Kerajaan dan swasta.

Sultan Perak berkenan menyampaikan titah ucapan selepas memeriksa kawalan hormat yang terdiri 101 pegawai dan anggota dari Batalion Ke 25 Askar Melayu Diraja diketuai oleh Kpt. Abdul Wahab bin Ibrahim.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh, Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Mohd. Khalil bin Haji Husain dan lain-lain di jemputan serta isteri masing-masing.

Dalam titahnya, Sultan Perak menyeru rakyat merenung dan memperkukuhkan cinta serta

● Muka 10 ruang ?

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Hari Kebangsaan disambut di sana sini

## DARI MUKA 1

keazaman mereka untuk memelihara kedaulatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Baginda mengingatkan rakyat tentang pentingnya memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian kaum di samping mendisiplinkan diri sebagai rakyat yang benar-benar taatsetia kepada negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed dalam ucapan beliau berkata, dengan pemodenan dan pelaburan lebih sekarang adalah diharapkan corak ekonomi negeri akan beransur berubah kepada pengilangan dan pemerosesan bahan dihasilkan sebelum eksport.

Katanya, Kerajaan Negeri berkehendakkan sektor perdagangan dan perindustrian maju lebih cepat dari masa-masa lampau.

**DI PULAU PINANG,** seramai 4,000 orang mewakili 86 kumpulan telah menyertai upacara perayaan Hari Kebangsaan.

Kumpulan tersebut terdiri dari anggota Tentera Darat dan Laut, polis, pasukan-pasukan sukarela, pengakap serta berbagai pertubuhan lagi.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Awang Hassan telah memeriksa satu perbarisan kawalan penghormatan terdiri 110 Tentera Darat Laut dan Udara sebagai memulakan acara tersebut.

## Bacaan ikrar

Sebaik sahaja pasukan kawalan kehormatan keluar, satu pukulan kompang diikuti suara ghaib matalamat pengertian tema perayaan telah diperdengarkan.

Satu upacara bacaan ikrar diketuai oleh seorang bella, Encik Abdullah bin Md. Sutan diikuti oleh wakil-wakil kontingen telah diadakan.

Datuk Dr. Awang Hassan telah melepaskan 500 belon yang membawa sepanduk tema perayaan 'berdisiplin berharmoni' ke udara.

**DI KOTA BHARU,** satu upacara menaikkan bendera kebangsaan telah diadakan di Stadium Sultan Mohamad Keempat malam tadi.

Upacara tersebut yang disaksikan oleh Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Yaacob dan pemimpin-pemimpin negeri yang lain dan ribuan rakyat telah dilangsungkan tepat pada pukul 12.01 malam.

Ia diiringi dengan nyanyian lagu Kebangsaan Negeraku oleh koir Maktab Perguruan Kota Bharu.

Sebelum itu, seramai 500 orang penuntut Maktab Rendah Sains Mara telah mengambil bahagian dalam acara membentuk perkataan 'Merdeka', 31 ogos, dan berjaya.

Acara menarik di perhimpunan itu ialah satu perlombongan bolasepak antara pasukan Menteri Besar dengan pasukan Setiausaha Kerajaan Negeri.

**DI SARAWAK,** perayaan Hari Kebangsaan peringkat negeri telah diadakan di Bandar Sri Aman dalam Bahagian Kedua, pusat perayaan tahun ini.

Perayaan itu bermula dengan satu perhimpunan dan perbarisan oleh lebih 1,500 anggota tentera, polis, pertubuhan-pertubuhan sukarela, kakitangan Kerajaan dan murid-murid sekolah.

Yang Dipertua Negeri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub dan Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud turut menyaksikan perhimpunan itu.

Datuk Patinggi Haji Taib, dalam ucapannya di perhimpunan itu telah mengisytiharkan esok sebagai cuti am bagi sekolah-sekolah di bandar tersebut.

**DI KOTA KINABALU,** perayaan peringkat Negeri Sabah telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Datuk Harris Salleh serentak dengan perasmian eksposisi perayaan Sabah 100 tahun di Tanjung Lipat petang ini.

Upacara itu turut disaksikan oleh beberapa orang jemputan asing termasuk Gabenor Ja-

karta dan Timbalan Ketua Menteri Wilayah Utara Australia.

**DI KUALA TRENGGANU,** perayaan Hari Kebangsaan disambut secara sederhana di seluruh negeri itu.

Bendera Kebangsaan telah dikibarkan di bangunan-bangunan Kerajaan dan gedung-gedung swasta di seluruh negeri.

**DI SEREMBAN,** lebih 3,000 orang telah mengambil bahagian dalam satu perhimpunan di padang negeri pagi ini.

Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan dan Tengku Ampuan berangkat menyaksikan perhimpunan itu.

Undang yang empat, Tengku Besar Tampin dan Menteri Besar Datuk Rais Yatim turut hadir.

## Jamuan

Perhimpunan itu berakhir dengan satu majlis jamuan teh yang dihadiri oleh kira-kira 1,500 orang tetamu di bangunan Majlis Perbandaran Seremban.

**DI KANGAR,** Raja Muda Perlis berangkat menerima tabik hormat daripada satu perbarisan oleh 3,000 orang rakyat di padang bandaran pagi ini.

Perbarisan itu didahului dengan ucapan menaikkan bendera kebangsaan dan membaca rukunegara oleh wakil-wakil kaum.

Perbarisan itu kemudian berarak mengelilingi bandar tersebut dengan didahului oleh pasukan pancaragam Regimen Askar Melayu Diraja.

**DI KUANTAN,** lebih 10,000 orang telah menyertai satu perhimpunan di Stadium Darul Makmur.

Menteri Besar Haji Abdul Rahim Abu Bakar yang turut hadir telah berucap kepada perhimpunan itu.

**DI MELAKA,** lebih 5,000 orang telah mengambil bahagian dalam satu perbarisan dari Stadium Kubu ke Padang Pahlawan.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan telah menerima tabik hormat daripada perbarisan itu.